PERSATUAN KAKITANGAN AKADEMIK USIM

# KAD LAPORAN

MEI - OGOS 2022

**Disunting oleh:**
Dr. Zalika Adam
Dr. Tengku Ainul Farha Binti Tengku Abdul Rahman

https://pkausim.usim.edu.my/

pkausim
Persatuan Kakitangan Akademik Universiti Sains Islam Malaysia

# TERAS

# PKAUSIM

TIGA TERAS UTAMA PKAUSIM ADALAH

PENGURUSAN

AKADEMIK

KEBAJIKAN




Pusat Kecemerlangan Pengajaran dan Pendidikan USIM – Telah diadakan Bengkel Semakan E-Nilai bertempat di Pusat Kecemerlangan Pengajaran dan Pendidikan (CETL) USIM. PKAUSIM telah diwakili oleh Dr. Mohd Hafiz bin Abu Hassan di dalam bengkel tersebut. Semoga agenda yang dibincangkan dalam bengkel ini memberi manfaat buat seluruh warga pendidik USIM dan anak didik USIM secara amnya.

## 22 MEI 2022

## BENGKEL SEMAKAN SISTEM E-NILAI

## PENGURUSAN




PKAUSIM terlibat dalam penyediaan buku program, sebanyak 30 naskhah buku program telah dicetak dan diedarkan kepada tetamu VIP. Biro Multimedia PKAUSIM telah bertemu dengan Puan Wahida STRACOMM bagi membincangkan tentang penyediaan buku program tersebut. Perbincangan gerak kerja ini diwakili oleh Dr Zalika dan Dr Tg Ainul Farha.

Penyelaras bagi gerak kerja ini adalah Dr Rezki Perdani Sawai, Setiausaha Kehormat PKAUSIM.



### 3 JUN 2022

### JAMUAN PASCA HARI RAYA USIM 2022 DAN PENYEDIAAN BUKU PROGRAM







3 JUN 2022

JAMUAN PASCA HARI RAYA USIM 2022 DAN PENYEDIAAN BUKU PROGRAM

## AKADEMIK

Platform Zoom - Pada 15 Jun 2022 (Rabu), telah diadakan program Kalam Mufid Siri 10 yang disampaikan oleh Presiden PKAUSIM, Prof Dr. Irwan Mohd Subri. Tajuk yang disampaikan ialah Cabaran dan Keperluan Ijtihad Semasa Mendepani Isu Kontemporari di Malaysia.




### 15 JUN 2022

### KALAM MUFID OLEH PRESIDEN PKAUSIM, PROF IRWAN

Telah diadakan pada 4 & 5 Julai 2022 Bengkel Jawatankuasa Kajian Pelaksanaan Empat (4) Laluan Kerjaya Staf Akademik berpandukan Orange Book USIM bilangan 2/2022.

PM Dr. Nuradli Ridzwan Shah Mohd Ali dan Dr. Syamila Mansor merupakan wakil PKAUSIM ke mesyuarat ini.

## 4 & 5 JULAI 2022

## BENGKEL JAWATANKUASA KAJIAN PELAKSANAAN EMPAT (4) LALUAN KERJAYA STAF AKADEMIK BERPANDUKAN ORANGE BOOK USIM BIL. 2/2022

FKP, USIM - Pada 6 Julai 2022, telah diadakan Mesyuarat PKAUSIM Bil 2 bagi tahun 2022, bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, FKP USIM. Dalam mesyuarat ini, dilaporkan bilangan staf akademik yang terkini sehingga 8 Julai 2022 adalah seramai 830 orang. Timbalan Pengerusi mencadangkan supaya buku PKAUSIM dijual di kedai-kedai buku seperti POPULAR, MPH dll.

## 6 JULAI 2022

## MESYUARAT PKAUSIM BILANGAN 2

Bilik Mesyuarat Naib Canselor, USIM - Pada 25 Julai 2022, telah diadakan Mesyuarat Jawatankuasa PKAUSIM bagi tahun 2022, bertempat di Bilik Mesyuarat Naib Canselor, USIM. Mesyuarat itu telah dipengerusikan oleh Naib Canselor USIM. Antara usul yang dibawa oleh PKAUSIM adalah pembinaan pejabat PKAUSIM, penawaran geran RM2000 bagi pensyarah baharu yang tidak mempunyai sebarang geran penyelidikan bagi pembudayaan penyelidikan, mewujudkan polisi bagi menjaga kebajikan staf akademik yang mempunyai anak kurang upaya (OKU), memperkasakan jurnal di bawah myCite. Wujudkan indeks Malaysia yang setara dengan Scopus dan Tiada sebarang aktiviti atau mesyuarat dalam tempoh marking crucial 10 hari.



## PERTEMUAN NAIB CANSELOR USIM BERSAMA EXCO PKAUSIM

## AKADEMIK

Dewan Kuliah Utama, FPQS - Pada 10 Ogos 2022, PKAUSIM telah menganjurkan Sesi Dialog TNCAA bersama staf Akademik USIM pada hari rabu bertempat di Dewan Kuliah Utama, FPQS. Hebahan program tersebut telah dibuat melalui poster.




## 10 OGOS 2022

## PERTEMUAN STAF AKADEMIK BERSAMA TNCAA BERKENAAN INAQ



Antara peserta yang hadir




Kandungan Dialog TNCAA dalam majlis itu

# PENGURUSAN



Pusat Konvensyen Antabangsa Putrajaya (PICC) - Pada 30 Ogos 2022, telah diadakan MAJLIS AMANAT PERDANA PERKHIDMATAN AWAM KELAPAN BELAS (MAPPA XVIII) Tahun 2022 yang dianjurkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Majlis ini telah dihadiri oleh Presiden PKAUSIM, Prof. Dr. Irwan Mohd Subri dan Biro Jaringan Luar, Dr. Noorfajri Ismail. Turut hadir dalam majlis tersebut adalah Prof. Datin Dr. Sapora Sipon.







## 30 OGOS 2022

## MAJLIS AMANAT PERDANA PERKHIDMATAN AWAM DI PICC PUTRAJAYA

# ”Hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah”

## Biro Multimedia PKAUSIM